



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular And Arts Division

Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. kami : KPM.600-12/1/4 JLD.7 (31)
Tarikh : **27** Disember 2019
30 Rabiulakhir 1441H

Presiden,
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru, Blok C-4-3,
Jalan Ahtinahappan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI “PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020” SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh 12 Disember 2019 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.
3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** bagi membenarkan murid dan guru untuk menghadiri “*Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020*” yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat di **Langkawi, Kedah**. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:
 - 3.1. Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;
 - 3.2. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
 - 3.3. Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;
 - 3.4. Pelibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

- 3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;
 - 3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
 - 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;
 - 3.8 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan; dan
 - 3.9 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum, pihak tuan dipohon mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bersama-sama surat permohonan pengiktirafan program.
4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai dijalankan untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menghadiri *Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020 bertempat di Langkawi, Kedah Anjuran Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur**. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAZUKI BIN A. RAHIM)
Timbalan Pengarah,
b.p. Pengarah,
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.